

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI
[ALOR SETAR]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kadar kemiskinan terkini bagi Bumiputera Orang Asli Semenanjung, Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak serta sejauh mana rekod dan prestasi pencapaian agensi seperti AIM, TEKUN, MARA dan PUNB khususnya ke atas Bumiputera Bukan Melayu tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2019, kadar kemiskinan mutlak di peringkat nasional Bumiputera adalah 7.2 peratus berbanding etnik Cina pada 1.4 peratus dan India 4.8 peratus. Manakala bagi masyarakat Orang Asli, kadar kemiskinan mutlak adalah 33.6 peratus. Seterusnya kadar kemiskinan mutlak Bumiputera di Sabah adalah 22.7 peratus manakala di Sarawak pula adalah 11.2 peratus.
2. Untuk makluman ahli yang berhormat, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) telah meluluskan sebanyak 434 pembiayaan perniagaan sejak tahun 2000 hingga September 2021 kepada Bumiputera bukan Melayu yang terdiri daripada Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak. Secara keseluruhan, jumlah pembiayaan yang telah disediakan oleh Kerajaan melalui PUNB kepada golongan ini adalah berjumlah RM115.73 juta.

SOALAN NO: 33

3. Di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) pula, seramai 170 usahawan Bumiputera bukan Melayu sedang menyewa premis perniagaan MARA di seluruh negara dari Januari hingga September 2021. Selain itu, dalam tempoh yang sama sebanyak 90 usahawan dalam kategori ini telah menerima pembiayaan sebanyak RM4.34 juta melalui Program Pembangunan Keusahawanan MARA dan Program Pembangunan Keusahawanan Belia MARA.

4. TEKUN Nasional merupakan salah sebuah agensi yang memfokuskan kepada bantuan pembiayaan perniagaan untuk usahawan mikro. Ia turut menyediakan pembiayaan kepada usahawan Orang Asli Semenanjung, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak. Dari Januari hingga September 2021, TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM47.5 juta kepada sejumlah 1,794 usahawan Orang Asli Semenanjung, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak.

5. Manakala, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) menjalankan program Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI) yang melibatkan penyertaan golongan ini seramai 20,774 peserta dengan had nilai pembiayaan antara RM100 sehingga RM30,000. Dalam tempoh Januari hingga September 2021, sebanyak RM112.5 juta telah disalurkan melalui program ini.

Sekian, terima kasih.